

KELUANG, 6 MEI (BERNAMA) ¹⁹⁷³ ORANG-ORANG MELAYU TERUTAMA
PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO HENDAKLAH MEMPUNYAI DISIPLIN DIRI
SENDIRI SEKIRANYA MEREKA INGIN MENEBUS KEMBALI KETINGGALAN ORANG-
ORANG MELAYU DALAM SEGALA BIDANG.

DEMIKIAN MENURUT SENATOR DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENJADI
SEORANG AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO, KETIKA BERUCAP DI MESYUARAT
PERWAKILAN TAHUNAN UMNO BAHAGIAN KELUANG UTARA DI DEWAN JUBLEE
INTAN DI SINI, HARI INI.

BELIAU MENYERU PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO SUPAYA JANGAN MENGABAIKAN
KEPENTINGAN RAKYAT.

KATANYA, NEGARA MEMERLUKAN PEMIMPIN YANG MEMPUNYAI KEDUDUKAN
EKONOMI YANG BAIK UNTUK BERHUBUNG RAPAT BAGI MEMPERJUANGKAN HASRAT
RAKYAT YANG BERKEHENDAKKAN PEMBELAAN YANG LEBIH TEGAS.

BELIAU MENYATAKAN, KEGAGALAN RAMAI ORANG MELAYU DI BIDANG
PERNIAGAAN DAN RAMAINYA PENUNTUT MELAYU DI UNIVERSITI YANG
GAGAL DALAM PELAJARAN TALAH KERANA KEKURANGAN DISPLIN. -BERNAMA.
1908/ID